

TR 5:5:71

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PERAYAAN ULANG TAHUN KE SEPULUH
NATIONAL LAND FINANCE CO-OPERATIVE
SOCIETY DI STADIUM NEGARA, KUALA
LUMPUR, PADA 16HB MEI, 1971

Tuan Pengerusi, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi, dan juga kepada Jawatankuasa Pertubuhan ini kerana sudi menjemput saya dan isteri saya bersama-sama meraikan perayaan ulangtahun ke Sepuluh National Land Finance Co-operative Society ini.

Sebagaimana kita semua tahu, Pertubuhan ini mula-mula dibentuk untuk dua tujuan yang suci—pertama, menentang langkah untuk memecah-belah ladang-ladang getah (fragmentation of estates) dan, kedua, menyelamatkan pekerja di ladang-ladang bersabit dengan fragmentation itu. Saya sukacita mendapat tahu dari Tuan Pengerusi, sejak usaha ini berjalan lancar dengan membeli Ladang Bukit Sidim sepuluh tahun dahulu hingga sekarang NLFCS mempunyai dua puluh keping ladang getah, kelapa sawit dan teh dengan ahli-ahli meningkat lebih dari 70,000 orang. Dari jumlah ini lebih 4,000 adalah ahli dan pekerja. Ini bermakna tidak kurang dari 10,000 jiwa hitung panjang yang bergantung hidup mereka pada NLFCS meliputi semua bangsa.

Saya sukacita menyebut bahawa hubungan saya dengan NLFCS ini bermula dengan peristiwa saya diminta membuka Ladang Rinching dekat Kajang beberapa tahun yang lalu. Dari sejak itu, saya menaruh perhatian berat terhadap kemajuan NLFCS, bukan sahaja mengenai tujuan asalnya bahkan dalam peranannya memelopori gerakan kerjasama yang unique di Malaysia.

Sungguhpun pada masa ini tidak lagi heboh-heboh fasal fragmentation kerana sudah pun ada kawalan undang-undang, saya percaya usaha seperti dijalankan oleh NLFCS ini masih dapat diperluaskan. Di samping memajukan usaha-usaha yang ada, NLFCS dapat memperhebat rancangan-rancangan yang berhubung

dengan kehidupan ahli-ahlinya seperti rancangan perumahan, kedai-kedai Syarikat Kerjasama dan juga di lapangan pendidikan dan recreation.

Perayaan ulangtahun ini bukan sahaja membawa makna yang besar tentang kejayaan NLFCS, tetapi seharusnya memberikan dorongan dan inspiration kepada saudara-saudara semua untuk mencapai cita-cita property-owning democracy.

Saya suka menarik perhatian uraum kepada bentuk NLFCS ini, yang bukan saja memberi pekerjaan kepada ahli-ahli tetapi juga memberikan hak-milik kepada tiap-tiap seorang mereka. Prinsip yang hampir-hampir sama juga dijalankan bagi ladang di bawah LKTP, yang sekarang sedang diperluaskan. Dengan meningkatnya keuntungan tahun sudah melebihi \$1 juta, saya tertarik dengan rancangan Pengerusi saudara-saudara hendak mengeluarkan bonus kepada ahli-ahli, selain dari pembahagian keuntungan atau dividend. Ini adalah contoh yang baik bagi syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan kerjasama di negeri ini. Saya dapati sistem ini berjalan dengan baik di Yugoslavia dan saya ingin melihat sistem bonus ini diamalkan dengan meluas dikalangan pertubuhan-pertubuhan kerjasama di sini.

Lagi satu aspek NLFCS ini yang sepatutnya mendapat perhatian ialah hakikatnya menjaga perpaduan masyarakat pekerja ladang serta mempertinggi kebolehan anak-anak mereka dari semasa ke semasa. Kita semua maklum, pada mula-mulanya dulu, memanglah dasar penjajahan meletakkan kita dalam kelompok-kelompok tertentu, orang-orang Melayu bertanam padi, orang-orang India menjadi buruh ladang dan orang-orang Cina bekerja di lombong-lombong dan berniaga. Matlamat penyusunan masyarakat masa depan ialah hendak merobohkan tembok yang memisahkan kaum-kaum ini. Dengan demikian, tujuan muktamad kita hendak menyatupadukan rakyat dari berbilang kaum akan tercapai dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian.

Sekianlah ucapan saya bersempena dengan hari ulang-tahun NLFCS ini. Saya mengulangi ucapan terima kasih kepada saudara-saudara dan berharap semoga pertubuhan ini akan terus maju jaya memenuhi cita-cita ahli-ahlinya dan memberikan sumbangan bakti kepada negara.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menyaksikan duit-duit yang dipamerkan di Pamiran Matawang Se Dunia, di Muzium Negara, Kuala Lumpur, pada 26hb Mei, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)